

25/08/2003

Sultan Brunei akhiri lawatan

PETALING JAYA: Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, yang menamatkan lawatan kerja selama empat hari ke Malaysia semalam, berlepas pulang ke negaranya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Tan Sri Jamil Johari turut berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, dekat sini untuk mengucapkan selamat jalan kepada baginda dan rombongan.

Pesawat peribadi yang membawa Sultan Hassanal Bolkiah dan 11 pegawai kanan yang diketuai Setiausaha Tetap Brunei, Pehin Datuk Yahya Mudim Bakar, berlepas dari lapangan terbang itu kira-kira jam 5 petang.

Sepanjang lawatannya ke negara ini, Sultan Hassanal Bolkiah mengadakan pertemuan empat mata sempena mesyuarat rundingan tahunan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara isu yang dibincangkan ialah mengenai isu daratan dan maritim.

Baginda dan anggota delegasi turut berangkat ke majlis makan malam di Istana Negara yang diraikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Perangkaan terbaru Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menunjukkan dagangan dua hala Malaysia-Brunei bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini berjumlah RM484.8 juta.